



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

PEKELILING PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KEDA BIL. 2/2017

ARAHAN PENTADBIRAN POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU 'WHISTLEBLOWING POLICY' DI LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA) DAN ANAK SYARIKAT

DIKELUARKAN KEPADA:

JAN 2017

Timbalan Pengurus Besar Operasi
Timbalan Pengurus Besar Pengurusan
Pengurus Hartanah dan Prasarana
Pengurus Perancangan dan Penyelarasan
Pengurus Niagatani
Pengurus Pembangunan Modal Insan dan Pembasmian Kemiskinan
Pengurus Industri Desa dan Usahawan
Pengetua Kolej KEDA
Pengurus Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia
Pengurus Kewangan
Ketua Unit Teknologi Maklumat
Ketua Unit Integriti
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Ketua Unit Perniagaan Strategik (SBU)
Ketua Unit Pentadbiran Am
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Ketua Unit Kutipan Hasil dan Penguatkuasaan
Ketua Unit Audit Dalam
Ketua Unit Logistik
Pegawai Pembangunan Zon 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 & 9



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

PEKELILING PENTADBIRAN : POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU 'WHISTLEBLOWING POLICY' DI LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA) DAN ANAK SYARIKAT

1.0 TUJUAN

Arahan pentadbiran ini bertujuan memaklumkan keputusan Pengurusan KEDA pada Mesyuarat Pengurusan KEDA Bilangan 12/2016 berhubung pelaksanaan Polisi Pemberian Maklumat atau '*Whistleblowing Policy*' di KEDA dan anak syarikat.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 KEDA dan anak syarikat sentiasa komited di dalam melaksana dan mengamalkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan dan operasi pentadbiran sepertimana yang terkandung di dalam Kod Etika KEDA.

- 2.2 Antara langkah yang telah diambil oleh KEDA dan anak syarikat ialah melaksanakan Polisi Tanpa Hadiah, *Integrity Pact* dalam urusan perolehan, Pelan Integriti Organisasi dan pelaksanaan pelan *Corruption Risk Management* (CRM) bagi semua aktiviti teras KEDA dan anak syarikat.
- 2.3 Sebagai langkah mempertingkatkan lagi pelaksanaan integriti di KEDA dan anak syarikat, diwujudkan platform kepada anggota dan juga individu yang berurusan dengan KEDA dan anak syarikat untuk mendedahkan sekiranya terdapat sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku di KEDA dan anak syarikat.
- 2.4 Bagi memperkukuhkan mekanisme pengaduan yang sedia ada, KEDA dan anak syarikat kini melaksanakan Polisi Pemberian Maklumat atau '*Whistleblowing Policy*' dimana identiti dan maklumat yang diberi oleh pengadu atau penyalur maklumat yang hadir dengan suci hati dan bukan berniat jahat akan dirahsiakan atau diberi perlindungan daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.

3.0 DEFINISI POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU '*WHISTLEBLOWING POLICY*'

- 3.1 Pemberi maklumat adalah dirujuk sebagai pendedahan yang dibuat oleh seseorang individu yang terdiri dari pegawai-pegawai KEDA sendiri atau mana-mana individu mewakili

sesebuah syarikat, agensi atau orang perseorangan yang mempunyai urusan rasmi atau tidak rasmi dengan KEDA.

- 3.2 Pendedahan tersebut dibuat kepada pihak yang dipertanggungjawabkan berkenaan pelanggaran/salahlaku tadbir urus, rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa atau apa-apa perlakuan yang menyalahi dasar, undang-undang, kod etika oleh mana-mana pegawai KEDA.
- 3.3 Bagi maksud polisi ini ianya dikenali sebagai Kelakuan Tidak Wajar (KTW) sepertimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 2010).
- 3.4 Pemberi Maklumat ditakrifkan di bawah APPM 2010 iaitu mana-mana orang yang membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan di bawah Seksyen 6 APPM 2010 iaitu SPRM, Polis, Kastam dan Imigresin.

4.0 TUJUAN POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU 'WHISTLEBLOWING POLICY'

Polisi Pemberian Maklumat atau '*Whistleblowing Policy*' ini bertujuan untuk memudahkan pegawai KEDA, kontraktor, pembekal, ejen atau mana-mana pihak luar untuk membuat pendedahan berkaitan apa-apa KTW dalam pengetahuan mereka dan untuk memberi

perlindungan ke atas identiti Pemberi Maklumat yang membuat pendedahan KTW seperti di bawah Seksyen 6 APPM 2010.

5.0 SKOP

5.1 Semua pendedahan KTW akan dibuat siasatan secara teliti dan diambil tindakan sewajarnya jika perlu dan ianya tidak terhad kepada takrif di bawah APPM 2010 tetapi merangkumi :

- i) Melanggar mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa;
- ii) Pendedahan berkaitan ketidakadilan terhadap mana-mana pegawai atau pihak luar atau pakatan sulit oleh pegawai;
- iii) Pendedahan berkaitan perkara yang menjejaskan kesihatan dan risiko keselamatan terhadap pegawai atau orang ramai secara sengaja;
- iv) Pendedahan berhubung dengan penyalahgunaan dana yang menyalahi dasar, undang-undang dan peraturan;
- v) Pendedahan kesalahan yang melibatkan perbuatan penipuan, pecah amanah dan rasuah;

- vi) Pendedahan yang melibatkan penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi atau menyebabkan kemudaratan kepada KEDA;
- vii) Pendedahan perkara yang berkaitan diskriminasi terhadap bangsa, agama, jantina atau ketidakupayaan;
- viii) Pendedahan mengenai perbuatan secara sengaja menyembunyikan maklumat atau berkongsi maklumat dengan pihak luar tanpa kebenaran yang boleh mencemarkan nama baik KEDA; dan
- ix) Pendedahan mengenai pelanggaran apa-apa perbuatan yang melanggar Kod Etika KEDA.

6.0 PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

6.1 Polisi ini melindungi Pemberi Maklumat yang membuat pendedahan KTW secara jujur dan suci hati. Maklumat yang diberikan hendaklah munasabah dan dalam kawalan agensi walaupun pendedahan yang dibuat itu kemudiannya didapati tidak benar atau tidak berasas. Sesiapa yang terlibat dalam mengambil tindak balas yang memudaratkan terhadap Pemberi Maklumat akan dikenakan tindakan sepertimana di bawah seksyen 10(6) APPM 2010.

6.2 Bagi maksud tindak balas atau tindakan yang memudaratkan ini bermakna pemberi maklumat akan dilindungi daripada sebarang tindakan buruk yang akan menjejaskan kerjaya atau kehidupan beliau seperti pelantikan, kenaikan pangkat, turun pangkat, penggantungan, gangguan atau berbagai bentuk diskriminasi berpunca daripada pendedahan KTW.

6.3 Perlindungan terhadap Pemberi Maklumat ini akan **terbatal** sekiranya melanggar syarat-syarat sepertimana di bawah Seksyen 11 (1) APPM 2010 iaitu:

- i) Pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai KTW yang didedahkan itu;
- ii) Pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam pendedahan KTW suatu kenyataan material yang pemberi maklumat sendiri mengetahui atau mempercayai bahawa kenyataan tersebut adalah palsu atau tidak benar;
- iii) Mendedahkan KTW yang dianggap remeh atau menyusahkan;
- iv) Pendedahan salahlaku terutama yang mempersoalkan penglibatan merit dasar kerajaan termasuk dasar KEDA;

- v) Pendedahan KTW dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib; dan
- vi) Pemberi maklumat, semasa membuat atau dalam perjalanan membuat pendedahan telah melakukan kesalahan seperti di bawah Seksyen 21 hingga 24 APPM 2010.

7.0 JAMINAN KERAHSIAN MAKLUMAT DAN IDENTITI

7.1 Semua maklumat dan identiti pemberi maklumat akan dilayan dengan cara yang rahsia dan sensitif. Maklumat hanya akan didedahkan kepada orang-orang yang diberi kuasa bagi tujuan penyiasatan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan maklumat itu. Identiti pemberi maklumat akan kekal rahsia. Pemberi Maklumat akan dimaklumkan mengenai tindakan ke atas pendedahan KTW yang dibuat.

8.0 SURAT TANPA NAMA ATAU TANPA ALAMAT UNTUK DIHUBUNGI

8.1 Polisi ini menggalakkan Pemberi Maklumat untuk menzahirkan nama atau cara bagaimana mereka dapat dihubungi. Maklumat tanpa nama atau cara mereka dapat dihubungi dianggap

kurang berwibawa, dan ianya tidak akan dilayan, namun ianya akan diberi pertimbangan untuk diambil tindakan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penilaian Maklumat (JPM), di antara perkara-perkara yang akan diberi pertimbangan adalah:-

- a) Tahap keseriusan kandungan maklumat yang didedahkan
- b) Tahap intipati (*ingredient*) kesalahan yang terdapat dalam maklumat tersebut
- c) Tahap yang membolehkan maklumat ini diambil tindakan pengesahan melalui sumber-sumber, dokumen dan saksi-saksi yang berkaitan.

8.2 Pemberi Maklumat yang membuat pendedahan KTW tanpa nama atau alamat untuk dihubungi tidak akan diberi perlindungan di bawah APPM 2010.

9.0 MENDEDAHKAN KTW DENGAN NIAT JAHAT

Tindakan disiplin/tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana pegawai yang memberi maklumat KTW dengan niat jahat. Tindakan juga boleh dirujuk kepada pihak berkuasa sekiranya didapati wajar.

10. TANGGUNGJAWAB

10.1 Ketua Unit Integriti bertanggungjawab menerima semua maklumat termasuk yang berkaitan dengan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salahgunakuasa. Segala maklumat atau aduan ini akan diteliti dan diambil tindakan sewajarnya sebelum melantik Jawatankuasa Penilai Maklumat (JPM). Ketua Unit Integriti akan mengemukakan syor keanggotan JPM untuk kelulusan Pengurus Besar.

10.2 JPM akan melakukan siasatan dan penilaian ke atas aduan dan menentukan sama ada kesalahan tersebut adalah **berunsur jenayah/ bukan jenayah**. Berdasarkan perakuan/ syor JPM yang bersidang, Ketua Unit Integriti akan membuat perakuan kepada Pengurus Besar untuk tindakan selanjutnya. Di antara pilihan perakuan yang biasa dilakukan adalah untuk dilaporkan kepada pihak ketiga, siasatan lanjut, terus kepada tindakan tatatertib dan lain-lain tindakan yang difikirkan sesuai.

11.0 KAEDAH PENGHANTARAN MAKLUMAT

11.1 Sebarang maklumat yang hendak disalurkan hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut atau mana-mana dari butiran-butiran berikut:

- i) Nama dan pekerjaan orang yang melakukan kesalahan atau terlibat dengan kesalahan yang hendak diadukan.
- ii) Tempat di mana kesalahan itu dilakukan atau berlaku.
- iii) Tarikh dan masa kesalahan itu dilakukan atau telah berlaku.
- iv) Apakah jenis kesalahan yang disyaki telah/sedang/akan dilakukan.
- v) Jika ada nama-nama mereka yang boleh menjadi saksi dan bagaimana mereka boleh dihubungi.
- vi) Jika boleh sila lampirkan dokumen, gambar atau video atau audio yang berkaitan kesalahan yang dilakukan.

11.2 Mana-mana pegawai atau individu yang hendak memberi maklumat, penyaluran maklumat boleh dibuat dengan cara berikut :-

- a) Menulis surat ke alamat :

Whistleblowing

Ketua Unit Integriti

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

Tingkat 2, Bangunan Koperasi Guru-Guru Agama Kedah,

05000, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

- b) Telefon dalam waktu pejabat : 04 7205322
- c) E-mel dengan menggunakan borang *e-whistleblowing* ke alamat : whistleblowing@keda.gov.my.
- d) Datang sendiri ke Unit Integriti untuk memberi maklumat dengan mengisi borang *Whistleblowing*. Borang *Whistleblowing* disertakan di **Lampiran 1**.
- e) Pegawai atau mana-mana orang yang hendak memberi maklumat atau mendedahkan KTW adalah bebas membuat aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasa jika mereka memilih berbuat demikian.

12.0 PELAKSANAAN POLISI

12.1 Polisi ini wajib dipatuhi oleh semua pegawai KEDA termasuklah anak syarikat KEDA.

12.2 Pelaksanaan polisi ini adalah berbentuk '*internal declaration*' dan dibaca bersekali dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 2010) yang sedia berkuat kuasa.

12.3 Anak Syarikat KEDA yang dimaksudkan adalah:

12.3.1 KEDA Holdings Sdn Bhd;

- 12.3.2 KEDA Properties And Management Sdn Bhd;
- 12.3.3 KEDA Resort And Holidays Sdn Bhd; dan
- 12.3.4 KEDA Agrobiz Sdn Bhd.

13.0 TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Pemberian Maklumat atau '*Whistleblowing Policy*' di KEDA dan anak syarikat ini berkuat kuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.

“PEMBANGUNAN SEIMBANG RAKYAT SEJAHTERA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD ARPAN BIN SHARI)

Pengurus Besar

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

3 Januari 2017

Lampiran 1

BORANG WHISTLEBLOWING KEDA

BORANG WHISTLEBLOWING KEDA	
(sebelum mengisi borang <i>whistleblowing</i> ini sila baca dan fahami polisi <i>whistleblowing</i> KEDA ini dahulu sebelum mengedarkannya)	
1.	Nama Penuh
2.	Nombor Kad Pengenalan
3.	Tempatbertugas/Jabatan
4.	Nombor Telefon/Rumah/ Pejabat/Bimbit
5.	E-mail
6.	Maklumat yang hendak disampaikan: (sila nyatakan nama orang atau orang-orang yang terlibat, kesalahan yang dilakukan, bila dan dimana juga apa-apa dokumen yang terlibat)
7.	Lain-lain maklumat tambahan:
8.	<p style="text-align: center;">_____</p> <p>(Tanda tangan penerima maklumat)</p> <p>Tarikh/Masa :</p>